

**SIDANG MEDIA TAHUNAN MIDA
MALAYSIA: PRESTASI PELABURAN 2011
21 FEBRUARI 2012
KENYATAAN OLEH:
Y.B. DATO' SERI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Sorotan Penting:

- ***Aliran Masuk FDI dan Jumlah Pelaburan Diluluskan (dalam Sektor Perkilangan, Perkhidmatan dan Sektor Utama) melonjak ke paras baru pada tahun 2011.***
- ***UNCTAD meletakkan Malaysia sebagai salah satu daripada negara tuan rumah utama untuk FDI bagi tahun 2011 - 2013.***
- ***Objektif Pelan Transformasi Ekonomi adalah mengikut sasaran:***
 - ***Pelaburan Domestik telah mengatasi Pelaburan Asing sebagai pemacu utama ekonomi.***
 - ***Pelaburan Berkualiti - dalam teknologi baru dan tinggi – kini membentuk sebahagian besar pelaburan baru.***
 - ***Kedudukan daya saing Malaysia meningkat dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia dan World Economic Forum.***

Jumlah aliran masuk FDI¹ ke Malaysia pada tahun 2011 meningkat sebanyak 12.3 peratus kepada RM32.9 bilion berbanding RM29.3 bilion pada tahun 2010. Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar aliran masuk FDI ke Malaysia dengan sumbangan 50.1 peratus kepada jumlah keseluruhan FDI. Ini diikuti oleh sektor perkhidmatan (27.3%), perlombongan dan kuari (22.2%) dan pertanian, perhutanan dan perikanan (0.4%).

JUMLAH PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN, PERKHIDMATAN DAN SEKTOR UTAMA.

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam **sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama** melonjak sebanyak **40.7 peratus** daripada **RM105.6 bilion (4,368 projek) pada tahun 2010** untuk mencapai **RM148.6 bilion (4,964 projek) pada tahun 2011**. Ini membuktikan **keyakinan berterusan para pelabur terhadap persekitaran perniagaan tempatan**. Pencapaian ketara ini juga menunjukkan bahawa Malaysia adalah mengikut jadual untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjelang 2020.

Pelaburan yang telah diluluskan dijangka akan **menjana sebanyak 149,496 peluang pekerjaan**. **Pelaburan domestik** pada tahun 2011 terus mengatasi FDI yang berjumlah **RM82.3 bilion atau 55.4 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala **FDI** berjumlah **RM66.3 bilion (44.6%)**.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan meneruskan trend pemulihannya pada tahun 2011. Sebanyak **846 buah projek perkilangan** telah diluluskan pada tahun 2011 dengan jumlah **RM56.1 bilion**. Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 18.8 peratus daripada RM47.2 bilion yang dicatatkan pada tahun 2010.

Jumlah ini juga **mengatasi purata sasaran pelaburan tahunan** berjumlah **RM27.5 bilion** yang ditetapkan di bawah **Pelan Induk Perindustrian (IMP3) 2006-2020 sebanyak RM28.6 bilion atau 104 peratus**.

Pelabur domestik dan asing terus menunjukkan sambutan positif kepada inisiatif Kerajaan untuk melabur dalam bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul, industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan modal serta aktiviti R&D. Nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek yang diluluskan pada tahun 2011 meningkat kepada RM557,894 berbanding RM484,767 pada tahun 2010.

Projek yang melibatkan **pelaburan asing** berjumlah **RM34.2 bilion atau 61 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala **pelaburan domestik** berjumlah **RM21.9 bilion atau 39 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Industri elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai **industri peneraju** dari segi bilangan projek serta jumlah pelaburan yang diluluskan. Ini diikuti oleh produk logam asas, kelengkapan pengangkutan, kimia dan produk kimia dan pengilangan makanan. Lima **subsektor** ini menyumbang **RM44.7 bilion atau 79.7 peratus** kepada **jumlah pelaburan** yang diluluskan.

Negara **Jepun, Republik Korea, Amerika Syarikat, Singapura dan Arab Saudi** merupakan lima sumber utama pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah **RM22.5 bilion atau 65.8 peratus** daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2011.

Pelabur domestik telah memberikan sambutan positif terhadap seruan Kerajaan bagi pelaburan langsung domestik (DDI) menerajui ETP. Pelaburan domestik dalam sektor perkilangan telah melonjak sebanyak 21 peratus kepada **RM21.9 bilion pada tahun 2011 daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010.** Jumlah ini merupakan **39 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Pelaburan domestik adalah terutamanya dalam industri:

- Produk logam asas - RM6.3 bilion
- Kelengkapan pengangkutan - RM4.9 bilion
- Kimia dan produk kimia - RM1.7 bilion
- Produk petroleum termasuk petrokimia - RM1.7 bilion
- Produk E&E - RM1.4 bilion
- Pengilangan makanan - RM1.1 bilion
- Produk mineral bukan logam - RM1.1 bilion

Majoriti projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2011 adalah **projek baru** (511 projek) dengan pelaburan berjumlah RM33.1 bilion (59%). Sesuatu yang menggalakkan adalah syarikat **perkilangan wujud terus memperbesar dan mempelbagaikan operasi** mereka di Malaysia. Ini digambarkan oleh kelulusan **335 projek pembesaran/pelbagaian** dengan pelaburan berjumlah **RM23 bilion** yang menyumbang **41 peratus kepada jumlah pelaburan.**

Projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2011 dijangka akan menjana peluang pekerjaan berjumlah **100,533** di mana **62.3 peratus** adalah dalam **kategori pengurusan, profesional, teknikal, penyeliaan dan tenaga mahir.**

Wilayah Ekonomi Koridor Utara mencatatkan jumlah pelaburan terbesar dalam projek yang diluluskan dengan Lesen Pengilang (RM15.3 bilion), Ini diikuti oleh **Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (RM8.2 bilion), Iskandar Malaysia (RM5.7 bilion), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (RM4.6 bilion)** dan **Koridor Pembangunan Sabah (RM0.9 bilion).**

Kerajaan terus mengambil pelbagai langkah dan inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian. Ini telah menyumbang kepada kadar pelaksanaan yang tinggi bagi projek yang diluluskan.

Bagi **tempoh 2007-2011**, sebanyak **4,390 projek perkilangan telah diluluskan** di mana **3,082 projek atau 70.2 peratus** telah **memulakan pengeluaran** setakat 31 Disember 2011 manakala **209 (4.8%) adalah pada peringkat pembinaan dan pemasangan mesin.**

Jumlah pelaburan modal dalam **projek** ini bernilai **RM135.6 bilion**. Pelaksanaan projek ini telah mewujudkan 338,555 peluang pekerjaan di mana **68.4 peratus** adalah dalam **kategori pengurusan, profesional, teknikal, penyeliaan dan tenaga mahir**.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan terus menjadi enjin pertumbuhan utama ekonomi Malaysia. Pada tahun 2011, sebanyak **3,957 projek** dengan pelaburan berjumlah **RM64.4 bilion** telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan yang mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak **75.5 peratus daripada RM36.7 bilion** pada tahun 2010. Peningkatan ini **hampir mencapai tahap pra-krisis** yang berjumlah RM66.4 bilion pada tahun 2007. Projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana **43,794 peluang pekerjaan**.

Pelaburan domestik merupakan **penyumbang paling besar** kepada jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011 dengan **RM48.2 bilion atau 74.8 peratus**. Walau bagaimanapun, adalah perlu diperhatikan bahawa **pelaburan asing** yang diluluskan telah melonjak secara ketara daripada **RM4.1 bilion pada tahun 2010** kepada **RM16.2 bilion atau 25.2 peratus** daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011.

Dalam sektor perkhidmatan, **subsektor hartanah terus menerajui dengan sumbangan pelaburan berjumlah RM16.9 bilion** diikuti oleh **subsektor pengangkutan (RM11.7 bilion), hab operasi global (RM9.6 bilion), tenaga (RM6.1 bilion) dan telekomunikasi (RM6 bilion)**.

Liberalisasi seterusnya bagi sektor perkhidmatan pada tahun 2012 dijangka akan meningkatkan tahap daya saing sektor ini.

PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

Sebanyak **161 projek** dalam sektor utama dengan pelaburan berjumlah **RM28.1 bilion** telah diluluskan pada tahun 2011. Sektor ini merangkumi **subsektor pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi**. Pelaburan asing berjumlah **RM16 bilion atau 56.9 peratus**, manakala **RM12.1 bilion atau 43.1 peratus** adalah **daripada sumber domestik**.

Dalam sektor utama, **sektor perlombongan** merupakan **penyumbang terbesar** dengan pelaburan sebanyak **RM26.7 bilion atau 95.1 peratus** daripada jumlah pelaburan. **Prestasi kukuh subsektor minyak dan gas** yang telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada NKEA, menunjukkan bahawa **Malaysia berkedudukan baik untuk menjadi salah satu daripada hab peneraju bagi subsektor minyak dan gas di rantau ini**.

PROJEK DILULUSKAN PADA TAHUN 2011: TRANSFORMASI EKONOMI

Pelaburan berkualiti yang diluluskan dalam sector perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada tahun 2011 dijangka akan **memberi sumbangan ketara dalam memacu Program Transformasi Ekonomi Malaysia**.

Impak daripada pelaksanaan projek-projek ini antara lain termasuk:

1. **Penjanaan Pekerjaan Berpendapatan Tinggi** – Sebanyak **149,496** perkerjaan akan diwujudkan oleh projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Dalam sektor perkilangan sahaja, sebanyak **62.3 peratus** daripada pekerjaan adalah dalam **peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan**.
2. **Pembangunan Bidang Pertumbuhan Baru** - Bidang pertumbuhan baru yang menarik para pelaburan yang tinggi termasuk **industri solar (fotovoltaik wafer solar/gelas solar), industri aeroangkasa (MRO, struktur aeroangkasa mesin)**, industri automotif (kenderaan hibrid dan elektrik) dan biokimia.
3. **Memperkuhkan Kedudukan Malaysia sebagai Negara Peneraju Perdagangan** – **32 peratus** daripada jumlah projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah **projek berorientasikan eksport**.
4. **Meningkatkan Aktiviti R&D dan D&D** – Sebilangan daripada **projek utama** yang diluluskan, khususnya **dalam industri E&E** akan menjalankan aktiviti R&R dan D&D dalaman.
5. **Pemindahan Teknologi kepada Rakyat Malaysia** – Sebilangan projek yang diluluskan **Skim Insentif Istimewa** akan melaksanakan **program latihan khusus** bagi rakyat Malaysia dalam bidang **teknologi produk/proses**. Latihan tersebut akan mewujudkan **kumpulan pekerja yang berasaskan pengetahuan** dan

meningkatkan **kemahiran teknikal** di kalangan pekerja rakyat Malaysia.

6. **Malaysia sebagai Hab/Pusat Kecemerlangan Pengeluaran Global/Serantau** - Beberapa **syarikat terkemuka dunia** akan menjadikan Malaysia sebagai hab global/serantau mereka. Ini termasuk syarikat dalam industri **E&E** dan **Pemprosesan Makanan**.

7. **Merangsang Pembangunan Penyumberan/Vendor Tempatan** – Penubuhan operasi baru oleh syarikat multinasional akan terus menjana **penyumberan bahan** dan **perkhidmatan tempatan** serta juga **pembangunan vendor tempatan**.

TINJAUAN

Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh. Walaupun dengan ketidakpastian ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2011.

Malaysia telah ditempatkan dalam kedudukan yang baik oleh beberapa organisasi antarabangsa. ***UNCTAD's World Investment Prospects & Survey, 2011-2013*** telah meletakkan Malaysia sebagai salah satu daripada **ekonomi tuan rumah teratas bagi FDI bagi tahun 2011-2013**. Malaysia juga telah menaiki lima anak tangga untuk menduduki **tempat ke 18** di dalam Laporan ***Ease of Doing Business Report for 2012, World Bank*** yang mendahului negara Jerman, Jepun, Switzerland dan Belgium.

Laporan terkini ***Global Competitiveness Report*** yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* di Geneva juga melaporkan Malaysia telah menaiki lima anak tangga untuk mencapai **tempat ke 21, bagi ‘penambahbaikan secara keseluruhan’**. Kedudukan positif ini akan terus menyokong usaha penggalakan pelaburan negara.

Pihak Kerajaan akan **terus menyediakan persekitaran yang kondusif** untuk menggalakkan **pelaburan swasta khususnya dalam meningkatkan penyertaan pelaburan domestik** dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Usaha akan dipergiatkan untuk mensasar dan menarik industri di mana Malaysia mempunyai asas kukuh serta juga dalam bidang pertumbuhan baru untuk mencapai **purata sasaran tahunan RM115 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10**.